

09 OCT 1997

Mahathir-Sokong (Syarikat)

SYARIKAT-SYARIKAT SENARAI AWAM SABAH SOKONG DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 9 Okt (Bernama) -- Ketua-ketua syarikat senarai awam Sabah hari ini menyatakan sokongan penuh terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan dalam menyelesaikan masalah negara berkaitan kemerosotan nilai ringgit dan pasaran saham.

Jurucakap bagi syarikat-syarikat berkenaan Datuk Joseph Ambrose Lee berkata bagi menegaskan sokongan terhadap kerajaan kini, penubuhan sebuah gabungan syarikat-syarikat senarai awam Sabah sedang dipertimbangkan bagi memanfaatkan kepakaran dan sumber syarikat-syarikat berkenaan untuk menyokong usaha-usaha pembangunan kerajaan.

"Pembentukan sebuah gabungan itu akan membolehkan kami bercakap dengan satu suara mengenai situasi kini dan masa depan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan melalui Institut Kajian Pembangunan di sini.

Mereka mengikrarkan sokongan itu selepas menghadiri satu mesyuarat mengenai kesan penurunan nilai Ringgit dan kemerosotan pasaran saham terhadap syarikat-syarikat senarai awam Sabah," yang diadakan di institut itu di sini.

Ia dihadiri ketua-ketua pegawai eksekutif dan wakil syarikat-syarikat terlibat serta ahli bank dan para pegawai kanan kerajaan dan dipengerusikan Menteri Kewangan negeri Datuk Karim Bujang.

Lee berkata: "Kami bersetuju bahawa Perdana Menteri begitu arif mengenai keadaan kini dan yakin beliau berupaya membawa negara keluar daripada pergolakan sekarang,"katanya.

Syarikat-syarikat senarai awam Sabah yang sehingga semalam mempunyai modal pasaran berjumlah RM4 bilion, turut menyambut baik usaha kerajaan melibatkan semua pihak dalam mencari penyelesaian terhadap masalah sekarang.

"Dengan kerjasama dan sokongan penuh, negara akan muncul lebih kuat, lebih berdaya saing dan kental menghadapi cabaran-cabaran mendatang," kata Lee, pengarah urusan Construction and Supplied House Bhd (CASH).

Mengenai mesyuarat hari ini, Lee berkata beberapa saranan telah diterima sebagai strategi untuk mengurangkan kesan keadaan ekonomi kini.

Ia termasuk menggalakkan perniagaan defensif seperti pelancongan pengeluaran dan pemprosesan makanan, mengurangkan defisit dagangan dengan mencari alternatif kepada import sekarang, memamatkan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan dan menggesa kerajaan mempertimbangkan idea mewujudkan unit mata wang Asean serta menyegerakan penubuhan kawasan pertumbuhan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina- Asean Timur (BIMP-EAGA). -- BERNAMA

JS RON